

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini rancangan mewujudkan pengkalan data khas kes bunuh diri (National Suicide Registry Malaysia) bagi memastikan data terperinci direkodkan, peruntukan yang diperlukan, jumlah kes bunuh diri dan tren terbaharu kes kesihatan mental yang direkodkan di Malaysia sejak Mac 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membentangkan kertas cadangan pembangunan **Sistem Registri Kebangsaan** bagi kes-kes bunuh diri dan kecederaan fatal iaitu '*National Suicide and Fatal Injury Registry Malaysia (NSFIRM)*' pada 21 Mei 2020 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Projek ini telah disenaraikan di dalam projek Rolling Plan 1 Tahun 2021, RMKe-12 dengan peruntukan sebanyak RM4.2 juta.

2. Pandemik COVID-19 telah mengakibatkan rata-rata masyarakat terkesan dari segi emosi dan kesihatan mental. Sepanjang tempoh Januari hingga Julai 2020 sebanyak **9,502 kes dicatatkan berbanding 14,673 kes dalam tempoh yang sama pada tahun 2019**. Data yang dikumpulkan oleh Pusat Informatik Kesihatan, KKM ini merujuk secara khusus kepada bilangan kes gangguan mental dan tingkah laku bunuh diri yang telah discaj daripada Hospital KKM,

3. Manakala, bagi kes cubaan bunuh diri, sebanyak **465 kes cubaan bunuh diri** telah dilaporkan dan menerima rawatan di hospital KKM bagi tempoh Januari hingga Julai 2020. Walaubagaimana pun data ini adalah merujuk kepada kes yang menerima rawatan di fasiliti kesihatan KKM sahaja dan bukan disebabkan oleh impak pandemik COVID-19 semata-mata.

Sekian, terima kasih.